

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 1/2012**

**PELUPUSAN CUKAI TANAH BAGI TANAH UNTUK KEGUNAAN  
AWAM HASIL DARIPADA PEMBANGUNAN TANAH YANG PERLU  
DISERAH BALIK KEPADA KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 197  
KANUN TANAH NEGARA 1965**


---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 12/2012 yang bersidang pada 4 Julai 2012 telah meluluskan cadangan melupuskan cukai tanah bagi tanah untuk kegunaan awam hasil daripada pembangunan tanah yang perlu diserah balik kepada Kerajaan di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965 melalui kertas bilangan 12/2012(121).

2. Tanah-tanah untuk kegunaan awam yang dimaksudkan dalam hal ini adalah seperti tapak pencawang elektrik, tanah lapang, tapak surau, tangki air dan lain-lain yang diperuntukkan untuk kegunaan bersama oleh orang awam.
3. Selaras dengan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut, cukai tanah bagi mana-mana tanah untuk maksud kegunaan awam hasil daripada pembangunan tanah (pecah sempadan tanah/ serah balik dan berimilik semula) yang perlu diserah balik kepada Kerajaan di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah **DILUPUSKAN** apabila **PERMOHONAN DITERIMA** melalui Borang 12A.

4. Bagi menjalankan tujuan di atas, cukai tanah bagi hakmilik di bawah pegangan Pejabat Tanah hendaklah dilupuskan oleh Pentadbir Tanah sebelum Borang 12A diendorskan di atas dokumen hakmilik daftaran. Manakala bagi hakmilik di bawah pegangan Pejabat Pendaftar, cukai tanah bagi hakmilik tersebut hendaklah dilupuskan oleh Pengarah Negeri sebelum Borang 12A diendorskan di atas dokumen hakmilik daftaran.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta dan selaras dengan itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil. 4/2009 adalah dimansuhkan. Semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian Pekeliling ini.



**(DATO' HJ. WAN MUSTAPHA BIN WAN AB. HAMID)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADА :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU  
KELANTAN.**

**FAIL : PTG.KN.16/4/18(2)  
BERTARIKH : 19 SYAABAN 1433H  
9 JULAI 2012**